

## **Konsep Cabutan Bertuah Bagi Produk Pelaburan Berasaskan Mudarabah**

MPS dirujuk berhubung isu sama ada terdapat isu Syariah dalam aktiviti cabutan bertuah untuk memenangi hadiah dengan syarat peserta perlu membuka akaun pelaburan mudarabah yang ditawarkan oleh IKI.

### **Keputusan**

MPS pada mesyuarat ke-138 bertarikh 27 Ogos 2013 telah memutuskan bahawa aktiviti cabutan bertuah untuk memenangi hadiah dengan syarat perlu membuka akaun deposit berasaskan mudarabah adalah dibenarkan dan tidak mengandungi unsur perjudian dalam pelaksanaannya.

### **Asas Pertimbangan**

Berdasarkan perbahasan para fuqaha, ciri-ciri utama perjudian adalah merangkumi dua perkara berikut iaitu:

- i. Apabila adanya wang pertaruhan yang dikeluarkan oleh semua peserta. Wang pertaruhan tersebut dijadikan ganjaran untuk pemenang pertandingan.
- ii. Setiap peserta yang menyertai pertandingan tidak akan terlepas daripada dua kebarangkalian sama ada mendapat keuntungan ataupun kerugian. Seseorang itu memperoleh keuntungan apabila menang dengan mengaut semua wang pertaruhan peserta-peserta lain. Manakala jika kalah, beliau akan menanggung kerugian kerana hilangnya wang pertaruhan yang dikeluarkan.

Dalam konteks cabutan bertuah yang ditawarkan, pemberian hadiah disediakan dan ditaja oleh IKI sendiri dan tidak melibatkan wang daripada peserta yang menyertai pertandingan tersebut.

Sehubungan itu, para peserta tidak terdedah kepada sebarang kerugian atau kehilangan terhadap deposit yang disimpan jika mereka tidak terpilih untuk mendapat hadiah yang ditawarkan dalam cabutan bertuah.

Reference :

<https://www.bnm.gov.my/documents/20124/12144436/Kompilasi-Keputusan-Syariah-Dalam-Kewangan-Islam-Edisi-Ketiga-2011-2017.pdf>